

Headline	Kaji tanam pokok hutan di bandar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	59 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 776
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,328



## Kaji tanam pokok hutan di bandar

KUCHING 3 Okt. - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) berhasrat mengkaji secara saintifik kaedah penanaman pokok hutan di kawasan bandar bagi menggantikan pokok-pokok hiasan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latiff Mohmod berkata, kajian itu memainkan peranan penting dalam usaha memelihara khazanah hutan negara dalam jangka masa panjang.

Katanya, kajian tersebut akan meneliti kaedah tepat bagi memastikan pokok hutan yang ditanam mampu membesar dalam tempoh singkat tanpa mengganggu keselamatan orang ramai.

"Kita menyedari kebanyakan spesies pokok hutan di negara ini memiliki saiz yang besar dan mengambil masa lama untuk matang.

"Sehubungan itu, kajian ini akan mendapatkan data-data saintifik dan penemuan terbaru dalam kaedah penanaman pokok hutan di kawasan bandar," katanya dalam sidang akhbar pada majlis perasmian Seminar Perhutanan Bandar sini hari ini.